

UPHA VAPOUR RUB

Camphor / Turpentine Oil / Eucalyptus Oil / Nutmeg Oil / Cedar Wood / Thymol/Menthol
(5.25% w/w / 4.77% w/w / 1.35% w/w / 0.48% w/w / 0.45% w/w / 0.10% w/w / 2.82% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Upha Vapour Rub
2. Bagaimana Upha Vapour Rub berfungsi
3. Sebelum menggunakan Upha Vapour Rub
4. Cara menggunakan Upha Vapour Rub
5. Semasa menggunakan Upha Vapour Rub
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Upha Vapour Rub
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Upha Vapour Rub

Upha Vapour Rub digunakan untuk melegakan hidung tersumbat, batuk, sengal-sengal dan sakit otot yang disebabkan oleh selsema.

Hubungi doktor anda jika anda mempunyai sebarang soalan mengapa ubat ini diberikan untuk anda. Doktor anda mungkin telah memberikan ubat ini atas sebab-sebab lain.

Bagaimana Upha Vapour Rub berfungsi

Upha Vapour Rub memberi rasa kehangatan dan kelegaan apabila disapu pada bahagian dada dan bahagian belakang badan. Ia melegakan dan memudahkan pernafasan.

Sebelum menggunakan Upha Vapour Rub

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan menggunakan ubat ini jika anda alah terhadap sebarang bahan kandungan yang disenaraikan di akhir risalah ini.

Jangan menggunakan ubat ini jika anda luka atau cedera.

Ubat ini tidak disarankan penggunaannya di kalangan kanak-kanak bawah umur 2 tahun.

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda koyakan atau dibuka pada pembungkusan.

Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula menggunakan ubat ini, sila tanya doktor anda.

- *Sebelum menggunakan Upha Vapour Rub*

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Kanak-kanak yang lebih besar harus menggunakan ubat ini dengan hati-hati.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain termasuk yang boleh diperolehi tanpa preskripsi di kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Setengah ubat boleh bertindak balas dengan Upha Vapour Rub. Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat yang perlu diberi perhatian atau perlu dielakkan ketika menggunakan Upha Vapour Rub.

Cara menggunakan Upha Vapour Rub

- *Berapa banyak harus digunakan*

Sapu salap pada bahagian dada dan bahagian belakang badan apabila perlu. Untuk kelegaan yang lebih berkesan, tambahkan sedikit Upha Vapour Rub ke dalam semangkuk air panas (bukan air mendidih) dan sedut wapnya.

Untuk kegunaan luaran sahaja.

- *Bila perlu digunakan*

Guna Upha Vapour Rub jika perlu.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Guna Upha Vapour Rub jika perlu.

- *Jika terlupa menggunakan*

Sekiranya anda terlupa menggunakan Upha Vapour Rub, sapu ubat ini sebaik sahaja anda teringat.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Upha Vapour Rub

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan teliti.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri Upha Vapour Rub kepada orang lain walaupun keadaan mereka sama seperti anda.

Jangan guna Upha Vapour Rub untuk merawat masalah lain kecuali atas arahan doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan terkena pada mata.

Adalah merbahaya jika anda memasukkan produk yang mengandungi Camphor ke dalam lubang hidung kanak-kanak kerana penggunaan kuantiti yang sedikit boleh menyebabkan mereka pengsan secara tiba-tiba.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan menggunakan ubat ini.

Anda mungkin mengalami kerengsaan atau pemekaan kulit.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, or atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan Upha Vapour Rub

- Penyimpanan

Simpan ubat anda di tempat kering pada suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan menyimpan Upha Vapour Rub atau sebarang ubat lain di dalam bilik air atau berdekatan sinki.

Jangan tinggalkannya di dalam kereta atau ditepi tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan ubat.

Jauhkan ubat daripada capaian kanak-kanak.

Simpan ubat di dalam almari berkunci yang terletak sekurang-kurangnya satu setengah meter tinggi.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti menggunakan Upha Vapour Rub, atau sudah tamat tarikh luputnya, hubungi ahli farmasi anda untuk mengetahui apa yang perlu dilakukan terhadap baki tersebut.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Salap berwarna putih yang sekata.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:
 - Camphor
 - Turpentine Oil
 - Eucalyptus Oil
 - Nutmeg Oil
 - Cedar Wood
 - Thymol
 - Menthol
- Bahan tidak aktif:
 - Hard paraffin
 - White soft paraffin

- Nombor MAL
MAL19912643X

Pengilang

Upha Pharmaceutical Mfg (M) Sdn Bhd (53667-M)
Lot 2 & 4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

Pemegang Pendaftaran Produk

Upha Pharmaceutical Mfg (M) Sdn Bhd (53667-M)
Lot 2 & 4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

Tarikh kemaskini RIMUP

29/05/2017

Nombor Siri:

BPFK (R4/1)260517/00118